

Berita Harian

25.7.06

Al-'Aqar unjur pendapatan konsisten

AL-'AQAR KPJ Reit, dana pelaburan hartanah (Reit) berlandaskan syariah KPJ Healthcare Bhd (KPJ), diunjurkan memberikan pulangan pelaburan tujuh peratus setahun dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 hingga 31 Disember 2009.

Pelabur dalam Reit Islam dan berasaskan sektor penjagaan kesihatan pertama di dunia itu juga dijangka akan menikmati pulangan pendapatan konsisten setiap tahun berikutan portfolio hartanahnya diunjurkan meraih pendapatan sewa yang stabil hasil kadar penghunian penuh serta risiko pelaburan yang minimum.

Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, berkata selain menyediakan peluang kepada pelabur melabur dalam hartanah yang mematuhi Syariah, penyenaaraan Al-'Aqar KPJ Reit juga membolehkan KPJ Healthcare meraih nilai daripada hartanahnya untuk digunakan bagi tujuan pelaburan masa depan.

"KPJ Healthcare yakin langkah ini dapat meningkatkan lagi keupayaan syarikat dalam perniagaan terasnya, iaitu dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan hospital dan penjagaan kesihatan serta menambahkan nilai kepada pemegang saham," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran prospektus tawaran awam permulaan (IPO) Al-'Aqar KPJ Reit di Putrajaya, semalam.

Pelancarannya disempurnakan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Kumpulan Johor Corporation, Tan Sri



TINGKAT KEUPAYAAN SYARIAH: Nor Mohamed melancarkan prospektus IPO Dana Pelaburan Hartanah KPJ Healthcare Bhd yang berlandaskan syariah sambil diperhatikan dari kiri, Azman, Siti Sa'diah dan Muhammad Ali di Putrajaya, semalam.

Muhammad Ali Hashim; Pengerusi AmBank Group, Tan Sri Azman Hashim dan Pengerusi Amanah Raya Bhd, Datuk Dusuki Ahmad.

Sempena penyenaaraan Al-'Aqar KPJ Reit di Papan Utama Bursa Malaysia, KPJ Healthcare, iaitu penajanya menerbitkan 340 juta unit Reit itu.

KPJ Healthcare akan mengambil 160 juta unit, 160 juta unit ditawarkan untuk langganan pelabur institusi terpilih, manakala baki 15 juta unit lagi untuk langganan pelabur awam.

Harga tawaran bagi pelabur ins-

“ KPJ Healthcare yakin langkah ini dapat meningkatkan lagi keupayaan syarikat dalam perniagaan terasnya”

Siti Sa'diah Sheikh Bakir
Pengarah Urusan KPJ Healthcare

titusi adalah RM1 seunit, manakala pelabur awam pula 95 sen seunit.

Portfolio hartanah di bawah Al-'Aqar KPJ Reit merangkumi enam hospital yang sebelum ini dimiliki KPJ Healthcare dengan nilai pasaran kasar RM481 juta.

Hospital itu ialah Johor Specialist Hospital dan Puteri Specialist Hospital di Johor; Ampang Puteri Specialist Hospital, Damansara Specialist Hospital dan Selangor Medical Centre di Selangor serta Ipoh Specialist Hospital di Perak.